

A Comparative Study the ‘Tukang Karang’ of Previous and Present Era in Boria Performance at Penang

Noor Rafizal Paharul Rozi¹ & Muhammad Faisal Ahmad²

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

e-mail: noorrafizal@gmail.com¹, mfaisal@fmsp.uspi.edu.my²

Abstract

One of the traditional performing arts originating from Penang is Boria, which has undergone various changes since the 19th century. Originally, Boria was performed to lament the historical events at Karbala, but it has since been adapted to address current issues. Boria performances consist of two segments: a sketch or acting segment (first segment) and singing accompanied by music and dance (second segment). One of the key components of Boria is the tukang karang, who serves as the lead singer and brings the performance to life in the second segment. This study aims to compare the role of the tukang karang from a historical perspective, showing how changes over time have affected Boria performances. A qualitative approach is employed by examining historical sources, conducting interviews with Boria practitioners, and observing Boria performances. The results indicate significant differences in the approach of the tukang karang between the past and the present. In the past, the tukang karang created rangkap karangan spontaneously, whereas now, the rangkap karangan are prepared in advance. This change reflects the need to adapt to contemporary times. By understanding the comparison between the tukang karang of the past and present, this study provides readers with a valuable historical perspective, ensuring that important knowledge and experiences are not lost. It also serves as a useful reference for other researchers, offering in-depth data and analysis on the role of the tukang karang in Boria.

Keywords: boria, rangkap karangan, spontaneous, traditional theatre, tukang karang

Pengenalan

Penyanyi memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat melalui muzik. Kajian oleh Tal-Chen Rabinowitch (2020) menunjukkan bahawa penyanyi dapat menggunakan elemen-elemen muzik seperti melodi, harmoni, dan ritma untuk menyampaikan emosi serta mesej kepada pendengar. Dalam seni persembahan tradisional di Malaysia seperti Dikir Barat, terdapat seorang penyanyi yang digelar tukang karut, yang menggunakan pantun dan syair untuk menyampaikan mesej tertentu, sama ada berkaitan isu semasa atau mengandungi unsur nasihat (Nurul Jazlina, Nor Aziera, Mazlina, & Nik Azliza,

2022). Begitu juga, peranan tukang karang dalam seni persembahan tradisional Boria adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Boria merupakan seni persembahan tradisional yang sinonim dengan Pulau Mutiara, iaitu negeri Pulau Pinang. Boria telah melalui pelbagai perubahan sepanjang sejarahnya, bermula pada abad ke-19 (Mohamed Ghouse Nasruddin, 2000). Pada asalnya, Boria dijadikan sebagai satu bentuk ratapan untuk memperingati peristiwa di Karbala, iaitu pembunuhan Saidina Hussein r.a. (Rahmah Bujang, 1977). Namun, seiring berjalannya waktu, Boria telah beradaptasi dengan perkembangan masyarakat dengan mengintegrasikan isu-isu semasa ke dalam persembahannya (Ramnah Ramli, Mohd. Yusof Bakar, & Abdul Samat Salleh, 2013). Adaptasi ini membolehkan Boria kekal relevan dan menarik minat penonton dari pelbagai latar belakang. Perubahan ini juga mencerminkan bagaimana seni persembahan tradisional boleh menyesuaikan diri dan berkembang mengikut konteks sosial yang berubah-ubah.

Tinjauan Literatur

Rahmah Bujang (1987) dalam bukunya yang berjudul *Boria: A Form of Malay Theatre* telah menjelaskan bahawa Boria ialah teater Melayu Pulau Pinang yang popular serta dipersembahkan di majlis perkahwinan dan majlis sosial yang lain. Manakala, dalam kajian oleh Shakila (2016), menunjukkan bagaimana Boria telah berkembang daripada sebuah teater ritual sehingga menjadi warisan budaya Melayu-Islam di Pulau Pinang yang unik. Menurut beliau lagi, warisan budaya yang unik ini diancam kepupusan akibat perubahan gaya hidup yang dibawa oleh kemodenan, pembandaran, dan kawalan negara. Persembahan Boria terdiri daripada dua segmen iaitu lakonan sketsa pada segmen pertama, manakala segmen kedua terdiri daripada nyanyian, muzik, dan tarian (Noor Rafizal & Azrul Azizi, 2023). Gabungan kedua-dua segmen ini menjadikan persembahan Boria unik dan menghiburkan.

Menurut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2023), salah satu keunikan kesenian Boria terletak pada kreativiti nyanyian tukang karang sambil diiringi sailors (penari latar) yang berkeupayaan untuk mengikuti rentak muzik yang dimainkan. Tukang karang juga memainkan peranan yang sangat penting dalam persembahan Boria. Sebagai penyanyi utama, tukang karang berada di barisan paling hadapan dan bertanggungjawab untuk mengetuai para sailor dalam segmen kedua persembahan. Tukang karang juga berfungsi sebagai penghubung antara cerita yang disampaikan dalam segmen pertama dan nyanyian serta tarian dalam segmen kedua, memastikan kesinambungan dan aliran persembahan yang lancar (Syed Agil, 2024). Bukan itu sahaja, tugas seorang tukang karang juga adalah merumuskan dan melengkapkan pengisian lakonan sketsa agar penonton mendapat sesuatu pengajaran (Omara Hashim, 2024).

Berdasarkan sebuah artikel oleh Bernama (2024), dinyatakan bahawa persembahan Boria telah berkembang menjadi genre hiburan yang dinamik menerusi nyanyian puitis dan berunsur nasihat yang dipimpin oleh tukang karang. Berdasarkan kajian oleh Nurul Ain dan Muammar (2020), mereka mendapati bahawa transformasi struktur dalam persembahan tradisional boleh berlaku untuk

memastikan kelangsungan kesenian, warisan, dan kebudayaan untuk tatapan generasi akan datang serta sesuai dengan perkembangan modernisasi. Hal ini bertepatan dengan Mahani Musa (2003) yang menjelaskan bahawa Boria telah mengalami perubahan akibat daripada kesesuaian persekitaran tempatan. Namun begitu, menurut Hafizi (2024), rangkap karangan yang kaya dengan unsur nasihat dan peranan tukang karang malangnya, tidak mendapat perhatian daripada golongan pelajar dan ahli akademik. Hal ini menyebabkan kajian tukang karang ini kurang diterokai, terutama proses penghasilan rangkap karangan. Secara ringkasnya, tidak banyak kajian yang menjurus kepada aspek perubahan peranan tukang karang dalam persembahan Boria. Kebanyakan kajian dan bahan rujukan hanya menjelaskan secara ringkas tentang struktur Boria. Oleh itu, kajian ini berusaha menjelaskan tentang dua objektif yang diwujudkan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah pengumpulan data iaitu temu bual dan pemerhatian. Temu bual dijalankan bersama para penggiat Boria yang terdiri daripada tokoh Boria, ketua kumpulan Boria, dan tukang karang Boria. Menemu bual mereka ini adalah penting untuk mendapatkan perspektif yang mendalam mengenai evolusi peranan tukang karang dalam persembahan Boria. Malah, mereka ini memiliki pengetahuan dan pengalaman yang luas tentang perubahan yang telah berlaku dari segi prosesnya, teknik penceritaan, dan gaya persembahan. Oleh itu, kajian ini dapat memahami bagaimana tukang karang pada era terdahulu menyampaikan cerita dalam nyanyiannya dan bagaimana pendekatan ini telah berubah atau dikekalkan dalam persembahan moden. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang kaya dan mendalam mengenai pengalaman, pandangan, dan interpretasi mereka terhadap seni persembahan Boria.

Selain temu bual, kajian ini juga menggunakan kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian dengan menonton persembahan Boria secara langsung. Pemerhatian ini dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan terperinci mengenai pelaksanaan persembahan Boria. Kaedah pemerhatian ini membolehkan pengkaji untuk mencatat secara terperinci setiap elemen dan komponennya yang menyumbang kepada keseluruhan persembahan Boria. Pemerhatian ini memberikan konteks yang penting untuk memahami bagaimana seorang tukang karang mempraktikkan proses penghasilan rangkap karangan ke dalam nyanyiannya yang diterapkan dalam situasi sebenar. Melalui pemerhatian langsung, pengkaji dapat mengumpulkan data yang tidak dapat diperoleh melalui temu bual sahaja. Gabungan kaedah pemerhatian dan temu bual, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai perbandingan tukang karang era terdahulu dan kini dalam persembahan Boria di Pulau Pinang.

Dapatan dan Perbincangan

Salah satu komponen penting dalam Boria adalah tukang karang, iaitu seorang penyanyi utama yang berada di barisan paling hadapan pada ruang tengah seperti foto berikutnya. Tukang karang memainkan peranan penting dalam menghidupkan suasana pada segmen kedua persembahan Boria (Mahani Musa, 2010). Rangkap karangan adalah panggilan khas yang merujuk kepada seni kata lagu yang dinyanyikan oleh seorang tukang karang dan diselang-seli oleh sailor. Berdasarkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pulau Pinang (2008), sebuah rangkap dalam rangkap karangan Boria terdiri daripada empat baris dengan setiap hujung baris mempunyai suku kata yang berima seperti berikut:

Boria permainan di Pulau Pinang,
Namanya masyhur sudah dicanang,
Banyak peristiwa untuk dikenang,
Boria Kombinasi cuba menerang.
(Sumber: Rangkap Karangan Oleh Syed Agil, Boria Kombinasi Kg. Melayu)


Tambahan pula, rangkap karangan Boria mempunyai struktur tersendiri kerana rangkap pertama sering dimasukkan nama kumpulan masing-masing yang juga akan dijadikan sebagai rangkap korus. Manakala, pada rangkap terakhir, tukang karang sering mengucap salam mahupun memohon ampun.

Tamatlah sudah madah karangan,
Kalau tersilap dimarah jangan,
Budaya Boria dibuat sebagai pegangan,
Boria Kombinasi melambaikan tangan.
(Sumber: Rangkap Karangan Oleh Syed Agil, Boria Kombinasi Kg. Melayu)

Namun begitu, ramai yang tidak tahu bahawa peranan dan pendekatan tukang karang pada zaman dahulu adalah berbeza dengan zaman kini. Perubahan ini menunjukkan bagaimana seni persembahan Boria terus berkembang seiring dengan perubahan zaman. Oleh itu, penulisan ini dapat membandingkan peranan tukang karang dahulu dan kini yang mempengaruhi persembahan Boria secara keseluruhannya. Di samping itu, penulisan ini juga dapat memberikan perspektif sejarah yang penting kepada pembaca bagi memastikan ilmu dan pengalaman yang berharga tidak hilang.



Rajah 1. Tukang Karang yang Memakai Tarbus Bersama Para Sailor.



Rajah 2. Kedudukan Tukang Karang Berada di Barisan Hadapan Dahulu dan Kini.

Tukang Karang Era Terdahulu: Penghasilan Rangkap Karangan Secara Spontan

Pada zaman dahulu, tukang karang dalam persembahan Boria adalah individu yang sangat kreatif dan berani. Beliau bertanggungjawab mencipta rangkap karangan secara spontan di atas pentas, berdasarkan lakonan sketsa. Pendekatan ini membolehkan beliau beraksi secara langsung di hadapan penonton, menjadikan setiap persembahan unik, hebat, dan tidak dapat diramalkan. Ciri-ciri tukang karang pada zaman dahulu memerlukan beliau melakukan improvisasi. Oleh itu, tukang karang perlu tangkas mencipta rangkap karangan yang sesuai dengan situasi semasa lakonan sketsa, menjadikan setiap persembahan berbeza. Keberanian untuk berimprovisasi dan mencipta rangkap karangan secara langsung menjadikan beliau sangat kreatif di atas pentas.

Syed Agil (2024), seorang tokoh Boria, ketua kumpulan Boria Kombinasi/Anak Tanjung, pelakon sketsa Boria, dan juga tukang karang,

menjelaskan bahawa tukang karang dahulu mencipta rangkap karangan secara spontan serta memuji pihak penganjur. Menurut beliau, tukang karang dahulu menyampaikan sejumlah besar rangkap karangan kerana muzik dimainkan secara langsung. Sementara itu, Hafizi (2024) menyatakan bahawa Boria dahulu dilakukan secara perarakan dan dari rumah ke rumah, berbeza dengan masa kini yang lebih formal di atas pentas. Pernyataan oleh Syed Agil dan Hafizi memberikan gambaran yang jelas tentang evolusi Boria dari zaman dahulu hingga kini.

Tukang Karang Era Kini: Penghasilan Rangkap Karangan yang Berstruktur dan Persediaan

Perkembangan zaman menyebabkan peranan tukang karang dalam Boria berubah. Kini, rangkap karangan telah disediakan oleh ketua kumpulan sebelum persembahan. Pendekatan ini memberikan struktur yang lebih teratur kepada persembahan dan memastikan mesej yang ingin disampaikan lebih jelas. Ciri-ciri tukang karang masa kini adalah penggunaan rangkap karangan yang telah disediakan terlebih dahulu. Tukang karang menghafal rangkap karangan yang ditetapkan, mengurangkan elemen spontan tetapi meningkatkan konsistensi. Hal ini membolehkan mereka fokus pada penghayatan dan teknik persembahan tanpa perlu bimbang tentang penciptaan rangkap karangan semasa persembahan berlangsung.

Omara Hashim (2024), seorang tokoh Boria, ketua kumpulan Boria Omara, dan pelakon sketsa Boria, menjelaskan bahawa beliau mendapatkan maklumat daripada pihak penganjur tentang tema persembahan. Tema tersebut menjadi asas kepada penghasilan rangkap karangan Boria. Sementara itu, Nazreen (2024) menyatakan bahawa beliau turut berbincang dengan ketua kumpulannya, Omara Hashim, untuk menghasilkan rangkap karangan yang baik dan berkualiti dalam tempoh beberapa hari sebelum persembahan bermula.

Oleh itu, proses penciptaan rangkap karangan Boria melibatkan pengumpulan maklumat, kreativiti dalam penulisan, dan kerjasama erat dalam kumpulan. Melalui usaha bersama ini, mereka dapat menghasilkan persembahan yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga kaya dengan mesej, amanat, dan unsur nasihat. Secara tidak langsung, semua idea dapat disatukan dengan baik.


Perbandingan Tukang Karang Dahulu dengan Tukang Karang Kini

Jadual ini menunjukkan bagaimana perubahan dalam pendekatan, kemahiran, penggunaan muzik, dan teknologi telah mempengaruhi tugas tukang karang, menjadikan persembahan Boria lebih terstruktur namun tetap relevan dalam konteks masa kini.

Jadual 1

Perbandingan Tukang Karang Dahulu dengan Kini

Aspek	Tukang Karang Zaman Dahulu	Tukang Karang Zaman Kini
Pendekatan	Improvisasi secara spontan untuk menghasilkan rangkap karangan.	Menghafal rangkap karangan yang telah disediakan.
Kemahiran	Bergantung kepada pengalaman.	Berpengalaman, lebih teratur dan sistematik.
Penggunaan Alatan Muzik dan Teknologi	Alat muzik tradisional yang dimainkan secara langsung (<i>live</i>).	Alat muzik tradisional dan moden serta sistem bunyi canggih dimainkan secara <i>minus one</i> .
Tugas Tukang Karang	Memuji pihak tertentu, berunsur politik dan provokasi melalui rangkap karangan.	Penyampaian mesej, unsur nasihat dan promosi pelbagai kempen melalui rangkap karangan.



Rajah 3. Penghasilan Rangkap Karang Dahulu dan Kini.

Gambar rajah yang dipamerkan memberikan gambaran visual yang jelas tentang perbezaan dalam pendekatan dan proses penghasilan rangkap karangan Boria pada zaman dahulu dan kini. Pada era terdahulu, tukang karang menghasilkan rangkap karangan secara spontan semasa persembahan berlangsung dengan merujuk kepada lakonan sketsa yang telah dirangka sebelumnya. Hal ini menunjukkan bahawa tukang karang pada masa lalu perlu memiliki kemahiran improvisasi yang tinggi serta keupayaan untuk beradaptasi dengan cepat kepada situasi persembahan.

Sebaliknya, pada era kini, rangkap karangan dihasilkan lebih awal setelah kumpulan bersetuju dengan tema yang dipilih oleh ketua kumpulan dan disampaikan kepada tukang karang. Lakonan sketsa kemudian dilakukan dengan merujuk kepada rangkap karangan yang telah dihasilkan. Pendekatan ini menunjukkan perancangan yang lebih teratur dan membantu memastikan kualiti persembahan yang konsisten. Adaptasi ini diperlukan untuk memenuhi keperluan penonton moden yang lebih mengutamakan persembahan yang berstruktur dan profesional.

Secara keseluruhannya, perubahan dalam peranan tukang karang dalam persembahan Boria mencerminkan evolusi dalam masyarakat dan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan zaman. Walaupun pendekatan dan teknik telah berubah, peranan tukang karang sebagai penyanyi, penghibur, dan penyampai mesej tetap penting. Perubahan ini diterima oleh tokoh Boria, para penggiat Boria, dan masyarakat. Melalui penyesuaian ini, Boria terus relevan dan mampu menarik perhatian generasi baharu, sambil mengekalkan warisan budaya yang kaya.

Meskipun dunia seni sentiasa berubah, tukang karang Boria tetap menjadi nadi yang menghidupkan persembahan Boria dan menyampaikan mesej, amanat, serta unsur nasihat yang bermakna kepada masyarakat.

Kesimpulan

Perubahan yang dilakukan, terutama dalam penyediaan awal rangkap karangan, tidak mengubah struktur Boria, namun memudahkan tukang karang untuk fokus pada nyanyian. Rangkap karangan yang disediakan terlebih dahulu membolehkan tukang karang lebih menumpukan perhatian kepada penghayatan, penyampaian mesej, dan interaksi dengan penonton tanpa perlu bimbang mencipta rangkap karangan secara spontan. Langkah ini disesuaikan dengan kemampuan tukang karang masa kini. Walaupun elemen spontan semakin berkurang, ia digantikan dengan penyampaian yang lebih tersusun dan profesional, sambil mengekalkan ciri tradisional yang menjadi tunjang utama dalam persembahan Boria. Secara keseluruhannya, perubahan ini menunjukkan bagaimana tukang karang telah beradaptasi dengan perkembangan zaman untuk memastikan kelangsungan seni persembahan Boria. Inovasi dalam peranan tukang karang, seperti perancangan awal dan penulisan rangkap karangan, telah membantu mengekalkan kelangsungan Boria dalam konteks budaya semasa, sambil memelihara elemen tradisional yang menjadi asas seni ini. Kajian ini memberikan pandangan tentang bagaimana Boria, rangkap karangan, dan peranan tukang karang dapat disesuaikan dengan kehendak moden tanpa kehilangan identiti asal. Secara tidak langsung, hasil penulisan ini

menyediakan data dan analisis yang bernilai untuk ahli akademik, penyelidik, serta pelajar yang berminat mendalami seni persembahan Boria. Selain itu, ia membuka peluang untuk kajian lanjutan mengenai Boria, bukan sahaja dari segi teori tetapi juga praktikal. Oleh itu, dengan memahami perbandingan antara tukang karang dahulu dan kini, penulisan ini memberikan perspektif sejarah yang penting kepada pembaca, memastikan ilmu dan pengalaman yang berharga tidak hilang.

Rujukan

- Bernama. (2024). Penang Festival revives Boria tradition with vibrant procession and popular artistes. Dicapai pada 31 Oktober 2024, daripada <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2314078>.
- Bujang, R. (1977). *The Boria: A study of a Malay theatre in its socio-cultural context* (PhD Thesis). University of Hull.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2023). 22 & 23 Julai 2023: Teater tradisional Boria - "Kembara Boria-Satu Perjalanan". Dicapai pada 10 Oktober 2024, daripada <https://shorturl.at/orT8f>.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pulau Pinang. (2008). *Sejarah dan perkembangan Boria di Pulau Pinang*. Penerbit Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pulau Pinang.
- Mahani Musa. (2003). Boria Muharam: Antara kreativiti dan realiti masyarakat Melayu Pulau Pinang abad ke-19 dan ke-20. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 2, 19–39.
- Mahani Musa. (2010). Jawi Peranakan dan Boria. Dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (Eds.), *Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Ekspresi sebuah identiti* (hlm. 105–120). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Jazlina, Nor Aziera, Mazlina, & Nik Azliza. (2022). Seni persembahan dikir barat: Warisan seni kebanggaan Negeri Kelantan. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 6(2), 44–61.
- Paharul Rozi, N. R., & Amirrul, A. A. (2023). Perubahan peranan pemuzik dalam persembahan Boria awal abad ke-21. *Jurai Sembah*, 4(1), 1–8.
- Rabinowitch, T. C. (2020). The potential of music to effect social change. *Music & Science*, 3, 1–6. <https://doi.org/10.1177/2059204320939772>
- Rahmah Bujang. (1987). *Boria, a form of Malay theatre*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ramnah Ramli, Mohd. Yusof Bakar, & Abdul Samat Salleh. (2013). Dialek Pulau Pinang dalam sketsa Boria. Dalam *Kearifan tempatan: Pengalaman Nusantara: Jilid 3 - Meneliti khazanah sastera, bahasa dan ilmu* (hlm. 50–70). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shakila Abdul Manan. (2016). Boria: Penang's unique Malay-Islamic cultural heritage. *KEMANUSIAAN*, 23(1), 25–47.

Biografi

Noor Rafizal Paharul Rozi berasal dan menetap di Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan tadika, sekolah rendah dan menengah di Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Beliau merupakan alumni program Lakonan dan Pengarahan di Universiti Sains Malaysia (USM) dengan memperoleh ijazah sarjana muda dan sarjana pada 2018 dan 2022. Sejak di tingkatan 5, beliau telah melibatkan diri dalam persembahan Boria bersama golongan profesional, bermula dengan menyertai kumpulan Boria Angkatan Budayasari sebagai seorang sailor. Dirinya terus bergiat aktif dalam seni persembahan Boria serta menyumbang kepada pemeliharaan dan perkembangan seni tradisional ini di Pulau Pinang.

Muhammad Faisal Ahmad ialah pensyarah di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Beliau mempunyai kepakaran dalam teater muzikal, teater dalam pendidikan, pengurusan produksi dan seni layar. Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran dalam Drama dan Teater dari Universiti Sains Malaysia (2019), Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Seni dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2014), dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) dalam Teknologi Seni Layar dari Universiti Teknologi MARA (2008).